



KERATAN AKHBAR

AKHBAR	:	SINAR HARIAN			
TARIKH	:	30/12/2019	MUKA SURAT	:	35
JABATAN	:	JPS			
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN			

Banjir pulih, PPS ditutup

SEGAMAT- Banjir di Johor pulih sepenuhnya selepas satu-satunya pusat pemindahan sementara (PPS) di Segamat yang menempatkan mangsa banjir ditutup jam 11 pagi semalam.

Menurut laporan daripada Sekretariat Jawatankuasa Pengurusan Bencana Daerah Segamat, PPS terbabit ialah Balairaya Kampung Badak yang dibuka sejak 15 Disember lalu.

Katanya, PPS terbabit yang menempatkan penduduk Kampung Seberang Batu Badak mencatatkan penurunan jumlah mangsa banjir sehingga pagi semalam selepas hanya 11 mangsa daripada tiga keluarga ditempatkan di situ sebelum ditutup sepenuhnya.